

UniMAP BERI KEBEBASAN BERSUARA KEPADA PELAJAR

Oleh : Mohd Basri Basir

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) memberikan kebebasan kepada semua pelajar dalam memberikan pandangan atau teguran bagi menambahbaik sistem di universiti.

Naib Canselor UniMAP, Prof. Dr. R Badlishah Ahmad berkata, ia dilihat lebih baik kerana pihak pentadbiran universiti akan dapat mendengar secara terus masalah atau pendapat dari pihak pelajar sekaligus akan lebih merapatkan hubungan pengurusan dan pelajar.

"Kita menyokong hasrat dan usaha dalam penggubalan satu akta baharu pendidikan tinggi bagi menggantikan AUKU menjelang 2020 an ianya merupakan memberikan kebebasan kepada para pelajar untuk bersuara.

"Saya percaya ia akan membawa lebih banyak cabaran kepada kepimpinan mahasiswa universiti pada masa akan datang sekaligus mampu melahirkan lebih ramai anak-anak mahasiswa yang berpotensi menjadi pemimpin negara masa hadapan,"katanya ketika berucap pada Majlis Iftar Naib Canselor Bersama Kepimpinan UniMAP di Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah UniMAP, di sini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan dan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof. Madya Dr. Muzammil Jusoh.

